

03 NOV 1996

LAPAN PESERTA MEMPERDENGAR BACAAN AL-QURAN PADA MALAM KEEMPAT

IPOH, 3 Nov (Bernama) -- Lapan lagi peserta, empat gari dan empat qariah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada malam keempat majlis Tilawah peringkat kebangsaan di sini malam ini.

Mereka ialah Baharom Ibrahim (Pulau Pinang), Noor Ibrahim (Selangor), Sapawi Naim (Sabah) dan Dahri Bigek (Sarawak).

Manakala qariah pula terdiri daripada Sahrom Othman (Perlis), Maimun Harun (Negeri Sembilan), Hanisah Abdullah (Johor) dan Fatimah Ali (Pahang).

Peserta malam ini merupakan lapan peserta terakhir daripada 27 peserta daripada setiap negeri yang memperdengarkan bacaan mereka sejak tilawah itu dimulakan Khamis lepas.

Johan gari dan johan qariah tahun lepas, Haji Mohamad Awang Teh dan Hajah Rahmas Abdullah tidak menyertai tilawah Al-quran kali ini.

Malam esok, Sultan Perak Sultan Azlan Shah akan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Sementara itu, pada tengah hari tadi, semua peserta tilawah dan jawatankuasa pengelola serta jawatankuasa kerja diraikan pada majlis jamuan tengah hari yang ditaja oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam (Baheis) di Jabatan Perdana Menteri Brid Gen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin. -- BERNAMA

LAT NHD PR